

KERATAN AKHBAR

KEMAS sasar bina 50 TABIKA Transit seluruh negara

Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) menasaskan untuk mewujudkan 50 Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) Transit di seluruh negara tahun ini, kata Ketua Pengarahnya, Datuk Amiruddin Ariffin.

Beliau berkata, kelas TABIKA rintis itu bertujuan memberi kemudahan kepada ibu bapa bekerja yang memerlukan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak selepas tamat sesi persekolahan dengan bayaran yang rendah.

"Pada tahun lalu, kami sudah ada 27 kelas rintis TABIKA transit. Tahun ini, sebanyak 50 lagi akan diperluaskan di sekitar bandar dan pinggir bandar," katanya pada sidang media selepas lawatan ke TABIKA KEMAS sempena sesi awal persekolahan, semalam.

Beliau berkata, kelas transit itu beroperasi pada jam 1 tengah hari hingga 5.30 petang dan diuruskan oleh Jawatankuasa TABIKA dengan kawalan dan pemantauan pihak KEMAS.

Perkasakan penggunaan Bahasa Inggeris

Sementara itu, KEMAS juga akan memberi perhatian dalam memperkasakan penggunaan Bahasa Inggeris dan memberikan persekitaran yang positif untuk mengukuhkan lagi penguasaan bahasa itu dalam kalangan kanak-kanak TABIKA KEMAS.

"Sehubungan itu, KEMAS akan mengadakan program 'English is Fun' iaitu program berkonsepan 'English day' yang akan dilaksanakan secara serentak di TABIKA KEMAS di seluruh negara.

"Aktiviti pembelajaran secara interaktif akan disediakan sebagai bahan bantu mengajar seperti dalam bentuk animasi dan motion graphic, bukan sahaja dalam pembelajaran bahasa Inggeris, malah dalam pembelajaran Matematik, Sains dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, Amiruddin berkata, tujuh TABIKA KEMAS akan dibina tahun ini iaitu tiga di Kedah dan masing-masing satu di Selangor, Terengganu, Sabah dan Sarawak, yang menelan kos RM9.8 juta.

Sehingga kini, sebanyak 11,082 TABIKA KEMAS beroperasi di seluruh negara.

BERNAMA



Aktiviti pembelajaran secara interaktif akan disediakan sebagai bahan

bantu mengajar seperti dalam bentuk animasi dan motion graphic"

Amiruddin Ariffin,
Ketua Pengarah KEMAS



KERATAN BERTARIKH: 4 JANUARI 2019

HARI : JUMAAT

RUANGAN: ISU

HALAMAN: 19